

Pemuzik DBKL meninggal dunia motosikal rempuh pikap di LPT1

TEMERLOH – Seorang penunggang motosikal berkuasa tinggi maut selepas motosikal ditunggangnya merempuh belakang sebuah pacuan empat roda yang memperlahankan kenderaan secara tiba-tiba di Kilometer 98.6 Lebuhraya Pantai Timur (LPT1) di sini kelmarin.

Kejadian kira-kira pukul 4 petang itu menyebabkan pemandu motosikal jenis Suzuki GSX R1000 berusia 34 tahun yang merupakan pemuzik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meninggal dunia di tempat kejadian.

Rakaman kejadian tular dalam media sosial itu apabila sebuah pacuan empat roda yang berada di laluan kanan telah membrek secara tiba-tiba bagi mengelak seorang wanita yang melintas jalan sebelum sebuah motosikal berkuasa tinggi merempuh pacuan empat roda berkenaan.

Ketua Polis Daerah Temerloh Asisten Komisioner Mazlan Hassan berkata, berdasarkan siasatan kemalangan berlaku apabila pemandu pacuan em-



PENUNGGANG motosikal berkuasa tinggi maut selepas merempuh belakang sebuah pacuan empat roda di Kilometer 98.6 LPT1 di Temerloh kelmarin.

pat roda jenis Mitsubishi Pajero Sport yang berhenti di bahu jalan melintas jalan sehingga menyebabkan sebuah pacuan empat roda jenis Mitsubishi Triton di laluan kanan jalan membrek secara mengejut.

“Dalam masa sama datang sebuah motosikal jenis Suzuki GSX R1000 dari arah belakang terus melanggar bahagian belakang Mitsubishi Triton dan mangsa

terjatuh di lorong laju manakala motosikal mangsa tercampak di belakang pacuan empat roda berkenaan.

“Akibat kemalangan tersebut penunggang motosikal meninggal dunia di tempat kejadian,” katanya di sini semalam.

Kata Mazlan, mayat mangsa dihantar ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh untuk bedah siasat.